PERKEMBANGAN DALAM SISTEM PERBANKAN

Sistem perbankan terus mempamerkan kedudukan kewangan yang kukuh. Perkembangan yang menggalakkan dapat dilihat dengan pinjaman tidak berbayar (NPL) yang terus menurun sementara kedudukan modal kekal pada paras yang tinggi, seterusnya menyediakan lebihan yang mencukupi bagi menangani sebarang kejutan kewangan terhadap sistem. Pendapatan yang lebih tinggi dicatat hasil daripada pertumbuhan pinjaman yang lebih kukuh dan seiring dengan pengurangan perbelanjaan operasi telah menghasilkan peningkatan dalam pendapatan operasi kasar.

Kedudukan modal yang kukuh menyokong operasi perbankan yang lebih besar

Kedudukan modal asas kekal pada tahap yang tinggi sebanyak RM69 bilion pada akhir bulan September 2003. Sementara itu, jumlah aset berwajaran risiko meningkat sebanyak 2.1% pada suku ketiga terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam jumlah pinjaman. Hasilnya, nisbah modal berwajaran risiko menurun sebanyak 0.3 mata peratusan kepada 13.4% pada akhir bulan September 2003, sementara nisbah modal teras menurun sebanyak 0.2 mata peratusan kepada 10.9%.

Permodalan bank mapan

	2002		2003		
	Sep.	Dis.	Mac	Jun	Sep.
Modal					
Nisbah modal teras (%)	11.0	11.1	11.0	11.1	10.9
RWCR (%)	13.3	13.2	13.2	13.7	13.4

Keuntungan operasi yang lebih tinggi berikutan pendapatan operasi perbankan yang kukuh dan kos yang terkawal

Sistem perbankan mencatat keuntungan kasar yang lebih tinggi sebanyak RM3 bilion pada suku ketiga (RM2.9 bilion pada suku kedua) terutamanya disebabkan oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada aktiviti pemberian pinjaman dan pembiayaan, pulangan daripada sekuriti pelaburan yang lebih baik dan pendapatan daripada aktiviti berasaskan fi yang lebih kukuh. Perbelanjaan faedah bagi deposit adalah lebih rendah pada suku ketiga sementara kos operasi menurun sedikit sebanyak 0.8%.

Berikutan penurunan tahap NPL, jumlah bersih peruntukan kerugian pinjaman berkurangan dengan ketara sebanyak RM1.1 bilion kepada RM2.2 bilion pada suku ketiga. Walau bagaimanapun, peningkatan keuntungan operasi telah diimbangi oleh penurunan dalam pendapatan bersih daripada aktiviti urusniaga dan pelaburan sebanyak RM0.7 bilion, khususnya bagi bank perdagangan dan saudagar, sebahagian besarnya disebabkan penurunan pulangan ke atas bon. Oleh itu, pendapatan sebelum cukai pada suku ketiga berjumlah RM2.4 bilion (suku kedua 2003: RM2.7 bilion).

Pinjaman tidak berbayar terus mencatat penurunan

Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 dan 3 bulan masing-masing menurun kepada tahap 6.5% dan 9.0% pada akhir bulan September 2003 (akhir Jun: masing-masing pada tahap

Sistem Perbankan: Pinjaman tidak berbayar



6.8% dan 9.5%). NPL yang lebih rendah ini disebabkan terutamanya oleh NPL baru yang jauh lebih rendah iaitu sebanyak RM5.3 bilion (RM7.3 bilion dalam suku tahunan kedua). Di samping itu, institusi perbankan terus mencatat pemulihan dan pengkelasan semula yang kukuh sebanyak RM4.9 bilion. Sementara itu, tahap perlindungan kerugian stabil pada 61.4%.

Dari segi sektor ekonomi, paras NPL untuk sektor perniagaan terus mencatat penurunan. Pada akhir bulan September 2003, nisbah NPL kasar menurun kepada 15.9% berbanding 16.3% pada akhir bulan Jun 2003. Penurunan NPL yang paling ketara dicatat oleh sektor komuniti, persendirian dan perkhidmatan sosial, dan sektor perkhidmatan kewangan berikutan pelaksanaan beberapa usaha penyusunan semula. NPL bagi sektor isi rumah kekal pada tahap 8.2%.